

AHMAD SYAHRUL DERAUH
(Yang turut serta dalam Misi Kemanusiaan Kemboja 2012 di Kampung Cham, Kemboja, baru-baru ini)

Kehidupan daif serta kemunduran orang Melayu di Kampung Cham, Kemboja merupakan satu kesan kekejaman rejim komunis pimpinan Pol Pot terhadap masyarakat Islam di negara berkenaan.

Jika tidak kerana pemerintahan Pol Pot yang berkuasa sejak 1975 hingga 1979 sehingga menyebabkan lebih dua juta rakyat Kemboja termasuk golongan Melayu Chambo dan para alim ulama dibunuh dan disiksa, mungkin umat Islam di Kemboja tidak seperti mana sekarang.

Selepas era komunis Khmer Rouge berakhir lebih 30 tahun lalu, umat Islam di Kemboja ketandusan guru agama dan sekiranya ada pun, bilangannya boleh dibilang dengan jari. Manakala, anak-anak yang menjadi penyambung lagasi masyarakat berkenaan tidak dapat belajar al-Quran serta solat dengan sempurna akibat ketandusan guru agama.

Namun, semuanya sudah tercatat dalam sejarah dan kini, dianggarkan terdapat kira-kira 500,000 masyarakat Islam daripada keseluruhan 14 juta penduduk Kemboja, sebahagian besarnya tinggal di Kampung Cham.

Kampung Cham bukanlah sebuah kampung, sebaliknya ia merupakan sebuah wilayah besar ber keluasan kira-kira 10,000 kilometer persegi yang terletak kira-kira 130 kilometer dari bandar Phnom Penh, ibu negara Kemboja yang semakin mengejar arus kemodenan.

Dianggarkan terdapat 162



Penduduk Kampung Rakapram bergotong-royong melapah daging akikah.



Kain polkat dan telekung yang disumbangkan rakyat Malaysia dibawa ke Kampung Rakapram.



Peritnya Melayu di Kemboja

Masih hidup dalam kemunduran biarpun lebih 30 tahun pemerintahan komunis Khmer Rouge sudah berakhir

kampung di wilayah berkenaan yang sebahagiannya fasih berbahasa Melayu selain bahasa rasmi, bahasa Khmer. Namun, bahasa Melayu mereka kedengaran seperti lenggok Thai, malah ada juga loghat seakan-akan Kelantan, Terengganu atau Kedah.

Sebahagian besar tinggal di rumah usang yang hanya diergaki pelita minyak tanah di waktu malam

serta menjadikan air perigi atau sungai berdelatan sebagai sumber air, sudah cukup memadai buat mereka.

Jauh sekali kemudahan seperti televisyen dan radio menyebabkan mereka seolah-olah berada di dalam dunia tersendiri serta tersisih daripada mengetahui perkembangan luar kawasan mereka.



KAMARUDDIN



RAMZA



Delegasi Misi Kemanusiaan Kemboja 2012 berkumpul di hadapan Masjid Nuruddin, Kampung Rakapram sebelum pulang ke tanah air.

MISI KEMANUSIAAN KEMBOJA 2012

Tinggal dalam pondok

Dikelilingi kebun getah dan semak-samun, mereka tinggal di rumah usang yang nampak seperti pondok buruk atau reban ayam, yang sudah menjadi pemandangan biasa di Kampong Cham.

Hampir sebahagian besar orang Melayu Kemboja hidup dalam keadaan miskin dengan purata pendapatan sehari antara RM10 dan RM20 dan mereka menjadi petani, nelayan atau peniaga kecil untuk meneruskan hidup.

Kehidupan mereka nampak perit apabila barangan keperluan asas termasuk barangan dapur masih dianggap mahal di negara berkenaan berbanding pendapatan diperolehi mereka.


Bagi yang mampu, motosikal menjadi pengangkutan utama untuk bekerja, bagaimanapun terpaksa menanggung harga petrol yang dijual kira-kira 5,000 rial atau RM5 seliter di Kemboja, jauh lebih mahal berbanding di Malaysia.

Misi kemanusiaan masuk kampung

Perjalanan menaiki bas yang disewa khas, kira-kira tiga jam dari Phnom Penh sebelum menyusuri jalan kecil berhutan merah dikelilingi pokok getah dan hutan merupakan pengalaman ditempuhi 156 peserta Misi Kemanusiaan Kemboja 2012.

Misi anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) bersama Politeknik Metro, Kementerian Pengajian Tinggi dan Pusanita Jabatan Pengajian Tinggi Politeknik bertujuan melihat sendiri kepayahan dialami masyarakat Islam di Kampong Rakapram, satu daripada kampung terdapat di Wilayah Kampong Cham.

Jumlah 156 peserta merupakan bimbingan delegasi terbesar pernah



Pelajar Politeknik menghantar pendawaian elektrik di kelas Sekolah An-Nikmah.



Penulis menemui Ramza Sulaiman di hadapan sebuah rumah usang milik penduduk yang kelihatan seperti sebuah pondok buruk.

singgang di Kampong Rakapram dan kesemua mereka dipecahkan kepada beberapa bahagian supaya misi berkenaan pulang bukan dengan 'misi kosong' sebaliknya, perlu meninggalkan kesan mendalam terhadap masyarakat Islam di sana. Dianggarkan terdapat 880 buah rumah di Kampong Rakapram ketika ini.

Penyelaras program, Mohd Rosdi Ripin berkata, misi kali ini, bukan saja beri bantuan asas seperti beras, pakaian dan kemudahan solat daripada rakyat Malaysia, malah misi lebih besar adalah memasang kemudahan lampu dan kipas di Masjid Nuruddin, tempat komuniti masyarakat Islam di Kampong Rakapram.

"Selain itu, kita berjaya menyalakan 105 perigi air di kawasan rumah penduduk. Kita turut mendapat sumbangan lapan ekor lembu dan seekor kambing dari rakyat Malaysia untuk majlis

akikah sebelum dijamu kepada penduduk kampung," katanya.

Masjid bercahaya selepas 19 tahun

Masjid Nuruddin satu-satunya mercu tanda penyatuan masyarakat Islam di sana. Mula dibina pada 1993, namun pembinaannya tidak sempurna sebelum seorang dermawan dari Malaysia tampil melengkapi masjid itu sekitar 2005.

Namun, dalam tempoh 19 tahun itu, masjid berkenaan hanya berfungsi pada waktu siang berikutan tiada kemudahan elektrik. Jika ada pun, hanya diterangi dengan lampu minyak tanah yang cukup untuk jemaah kecil.

Bagaimanapun, kedatangan delegasi kali ini memberi khabar gembira buat orang di sana apabila buat pertama kali, masjid berkenaan mula terang pada waktu malam,

sekali gus memudahkan aktiviti agama di sebelah malam.

Selain masjid, seramai 10 pelajar Politeknik Melaka dan Politeknik Metro menghabiskan masa sehari suntuk memasang pendawaian elektrik, memasang lampu dan kipas 10 kelas dan satu bilik guru di Sekolah An-Nikmah, yang terletak kira-kira 100 meter dari masjid itu.

Usaha memasang lampu dan kipas turut menyebabkan mudir sekolah berkenaan, Ramza Sulaiman hampir menitik air mata kegembiraan. Ramza atau lebih mesra dipanggil ustaz dalam kalangan penduduk nyata terharu melihat kesungguhan delegasi.

"Terima kasih banyak-banyak," katanya ringkas yang tidak putus-putus mengucapkan terima kasih sebaik saja melihat kelas yang hanya

dilengkapi kerusi meja usang, selain keadaan kelas yang berhabuk dan bersawang mula bertukar wajah.

Ramza yang fasih berbahasa Melayu berkata, buat masa ini, sekolah berkenaan mempunyai 442 murid yang belajar secara giliran.

"Kami hanya mempunyai sembilan guru dan kesemua mereka tidak dibayar gaji, sebaliknya mereka adalah petani," katanya yang menjelaskan tulisan jawi digunakan sepanjang pembelajaran.

Mahukan bantuan pendidikan

Mufti Kemboja, Kamaruddin Yusof berharap kerjasama antara rakyat Malaysia dengan masyarakat Islam Kemboja tidak henti setakat itu saja.

Malah, katanya, sumbangan juga tidak seharusnya memandang pada aspek barangan, sebaliknya beliau harap supaya pada masa akan datang, sumbangan lebih berbentuk keilmuan seperti naskhah al-Quran, mukaddam dan buku pelajaran.

"Saya risau dan takut macam mana pendidikan dakwah dalam kalangan anak-anak jika bahan-bahan bacaan masih terhad. Kami harapkan keperluan kemahiran itu bagi menjamin masa depan masyarakat Islam di sini," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Jelas sekali, masyarakat Islam Kemboja seharusnya bukan dibantu dari segi material semata-mata, sebaliknya, mereka kini mahukan sumbangan pendidikan agar generasi muda sedia ada mampu berdaya pada masa hadapan, sekali gus membantu kelompok mereka sendiri daripada kemiskinan.



Penyelaras Program, Mohd Rosdi Ripin menyampaikan bantuan beras kepada salah seorang penduduk Kampung Rakapram.



Abdul Majid Abdullah, 60, (dua, kiri) bersama keluarga gembira selepas delegasi Misi Kemanusiaan Kemboja 2012 menyiapkan perigi air di rumah mereka.



Delegasi menyiapkan perigi air di sebuah rumah penduduk.